



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
NO. 51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03 - 8891 5003  
Faksimili : 03 - 8891 5558

---

Rujukan Kami : JKT.D.100-1/3/2 Jld. 8(29)

Tarikh : 16 Julai 2018

---

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2018**

---

***GARIS PANDUAN PEMASANGAN PERANGKAP MINYAK DI  
PREMIS MAKANAN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN (PBT)***

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai pemakaian **Garis Panduan Pemasangan Perangkap Minyak Di Premis Makanan Di Kawasan PBT.**

## LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Disember 2015 telah bersetuju dengan Garis Panduan Pemasangan Perangkap Minyak Di Premis Makanan Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan ke-71 yang bersidang pada 10 Julai 2017 telah menimbang dan bersetuju dengan pemakaian garis panduan tersebut oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBT dalam penguatkuasaan syarat pelesenan premis makanan.

## GARIS PANDUAN PEMASANGAN PERANGKAP MINYAK DI PREMIS MAKANAN DI KAWASAN PBT

3. Garis panduan ini menggariskan aspek-aspek penting dalam pemasangan perangkap minyak iaitu syarat-syarat rekabentuk, kaedah operasi dan penyenggaraan, kaedah pelupusan sisa dan simpanan rekod serta carta alir permohonan lesen premis makanan dan borang-borang yang berkaitan.

4. Garis Panduan Pemasangan Perangkap Minyak Di Premis Makanan Di Kawasan PBT adalah seperti di **Lampiran**.

## **TARIKH KUATKUASA**

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan. Namun begitu, penguatkuasaan bagi para 5.1.5 garis panduan tersebut di bawah tajuk rekabentuk adalah ditangguh sehingga setahun daripada tarikh pekeliling ini bagi membolehkan syarikat-syarikat pengeluar dan pembekal perangkap minyak individu untuk mendapatkan laporan penilaian prestasi (*performance evaluation report*) daripada SIRIM Berhad yang mematuhi kehendak-kehendak dalam garis panduan tersebut.

## **PERTANYAAN**

6. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah,  
Jabatan Kerajaan Tempatan,  
Aras 26-29, No. 51,  
Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62100 PUTRAJAYA  
(u.p.: Bahagian Perundingan Kejuruteraan Kesihatan Umum)  
No. Tel : 03-8891 3331  
No. Faks : 03-8891 3097

## **PENUTUP**

7. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”***

Yang Ikhlas,



**( DATO' SRI HJ. MOHAMMAD BIN MENTEK )**

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan.

*16* Julai 2018

s.k :

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua

Pihak Berkuasa Tempatan